

NO. SOALAN: 99

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU – DAP]
TARIKH : 24 JULAI 2017
SOALAN : 99

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta PERDANA MENTERI menyatakan status pelarian di Sabah seperti jumlah dan negara asal. Apakah tindakan Kerajaan dalam menyelesaikan isu pelarian yang masih tinggal di Sabah walaupun peperangan telah lama tamat.

JAWAPAN: **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Terdapat seramai 136,055 pelarian di Sabah sehingga akhir 2016, dengan sebahagian besarnya berasal dari negara Filipina. Kerajaan kini sedang berusaha sedaya upaya untuk menghantar pulang "pelarian" ini ke negara asal mereka, tertakluk kepada prinsip *non-refoulement* di bawah *Universal Declaration of Human Rights 1948*. Namun, proses bagi penghantaran pulang "pelarian" ini mengambil masa yang panjang. Sementara "pelarian" ini masih berada di Sabah, Kerajaan menetapkan beberapa peraturan berkaitan pengurusan "pelarian" di Sabah seperti berikut:

- i. Hanya boleh tinggal di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.
- ii. Tidak boleh memiliki rumah atau hartanah.
- iii. Pemberian dokumen dari Jabatan Imigresen yang perlu diperbaharui setiap tahun.
- iv. Boleh bekerja dengan tujuan menyara kehidupan.

Sekian, terima kasih.